

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

PERINTAH HARIAN

SABTU, 24 RAMADAN 1447H BERSAMAAN 14 MAC 2026M

PH03/01/2026

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- 1) **[PL031] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah langkah Kementerian Pembangunan melalui ABCi untuk mempermudah dan memperjelas proses kelulusan, termasuk piawaian pelan rumah, kelulusan berperingkat, dan bimbingan teknikal awal, memandangkan kos pembinaan rumah adalah tinggi?
- 2) **[PL075] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan ciri-ciri keselamatan fizikal dan digital di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi menghadapi ancaman keselamatan, keganasan dan kecemasan luar jangka?
- 3) **[PL091] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah penglibatan rakyat, khususnya golongan belia dan usahawan dalam proses perumusan, pelaksanaan dan penilaian dasar negara boleh diperkasa?
- 4) **[PL147] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan perkembangan terkini penaiktarafan sistem pengangkutan awam khususnya liputan dan kesalinghubungan ke kampung-kampung pendalaman bagi memastikan sistem yang lebih inklusif dan ketersambungan yang lebih baik?

-
- 5) **[PL049] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** nyatakan cabaran utama dalam penyediaan kemudahan awam yang setelah dibina kurang dimanfaatkan? Adakah terdapat usaha bagi memastikan peruntukan awam disalurkan kepada projek yang memberi nilai guna jangka panjang kepada penduduk setempat?
- 6) **[PL122] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan status pelan pelaksanaan dan piawai penyenggaraan yang sedang dan akan dilaksanakan bagi tanda garisan atas jalan raya (*road line marking*) khususnya bagi pemanduan malam, waktu hujan dan di kawasan yang tiada lampu jalan?
- 7) **[PL061] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika terdapat kajian bagi mengenalpasti keperluan untuk menambah atau melebarkan jalan-jalan raya utama dan di kawasan yang mempunyai penduduk ramai (*heavily-populated*) bagi mengurangkan kesesakan?
- 8) **[PL090] : Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah langkah penambahbaikan reka bentuk jalan raya, papan tanda, lampu isyarat dan pencahayaan? Apakah strategi penyenggaraan berkala bagi memastikan kualiti permukaan jalan raya, saliran dan struktur jalan sentiasa berada dalam keadaan selamat?
- 9) **[PL056] : Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menghuraikan jika terdapat kajian berkenaan pendedahan belia kepada hutang pengguna, perbelanjaan tidak produktif dan tekanan kewangan awal? Bagaimanakah program belia dapat disesuaikan untuk membentuk disiplin kewangan serta keupayaan membuat keputusan ekonomi yang bertanggungjawab?

-
- 10) **[PL004] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kementerian dalam memperkukuh peranan Sekolah Sukan sebagai laluan alternatif (*alternative pathway*) bagi pembangunan atlet dan kerjaya dalam industri sukan? Adakah Kementerian menetapkan KPI kebolehpasaran lepasan sekolah sukan yang berkaitan dengan kecemerlangan sukan dan peluang-peluang pekerjaan tempatan?
 - 11) **[PL072] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan pembangunan sukan negara bagi meningkatkan prestasi atlet, penglibatan rakyat dan meningkatkan pencapaian sukan di peringkat serantau serta antarabangsa?
 - 12) **[PL020] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan integrasi laluan berbasikal, mikro-mobiliti, kebolehlayaran pejalan kaki (*walkability*) dan sistem pengangkutan awam dapat berjalan secara efisien di koridor yang padat seperti Brunei Muara? Apakah mekanisme dan ukuran kejayaan untuk memastikan peningkatan keterhubungan dan mobiliti bandar?
 - 13) **[PL084] : Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kriteria dalam mengenal pasti keperluan bagi pembinaan hospital baharu? Sejauhmana pertimbangan untuk membina hospital di kawasan yang mengalami peningkatan pesat jumlah penduduk?
 - 14) **[PL032] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menjelaskan keperluan penyambungan *Occupational Permit* bagi bangunan komersial yang memerlukan surat akuan Jabatan Bomba dan pelan baru ABCi, walaupun tidak ada perubahan struktur. Apakah usaha yang boleh dilaksanakan bagi memudahkan proses tanpa menjejaskan keselamatan?
 - 15) **[PL148] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan kementerian untuk menjadi hos temasya sukan peringkat serantau atau antarabangsa, termasuk membangunkan infrastruktur dan kerjasama antarabangsa?

-
- 16) **[PL060]** : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan tindakan jangka pendek serta perancangan jangka panjang dalam menangani banjir di kawasan yang mudah banjir, termasuk mengenalpasti tempat-tempat yang berkemungkinan untuk dilanda banjir?
- 17) **[PL100]** : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan usaha yang dijalankan bagi memastikan penyelarasan antara kementerian, institusi kewangan dan pengawal selia dilaksanakan bagi memastikan sistem *cashless* agar selamat, efisien dan mudah diakses oleh rakyat?
- 18) **[PL040]** : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan sebab keperluan bagi pembaharuan tahunan bagi *Non-Used Vehicle*, dan samada ada pertimbangan bagi permohonan status tersebut untuk dibuat sekali sahaja dan kekal berkuatkuasa sehingga kenderaan berkenaan dipohon untuk digunakan semula?
- 19) **[PL124]** : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan bagi memastikan kenderaan berusia lebih 7 tahun atau kenderaan baharu yang telah diubahsuai adalah *road worthy*? Adakah proses pembaharuan lesen kenderaan di pusat VIS melibatkan pemeriksaan rekod yang lengkap?
- 20) **[PL057]** : Yang Berhormat Awang Lau How Teck meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan bagaimana kementerian mengintegrasikan kos kitaran hayat aset awam, termasuk penyelenggaraan jangka panjang dan pelupusan, dalam perancangan projek baharu? Adakah pendekatan masa ini menyebabkan kos tersembunyi, yang akan membebankan perbelanjaan awam masa depan?

- 21) **[PL066] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika kementerian mempertimbangkan untuk mengurangkan had-had laju di tempat seperti di lebuh raya kawasan kota, jalan-jalan utama dan jalan-jalan kecil yang sesak mengambilkira bahawa terdapat peningkatan jumlah kenderaan yang didaftarkan setiap tahun dan bagi memastikan keselamatan semua pengguna di jalan raya?
- 22) **[PL125] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika terdapat siasatan keatas isu (i) kenderaan komersil Brunei yang memasuki negara ini melalui sempadan darat seperti Labu yang ditahan kerana permit 'S' dan (ii) kenderaan komersil dari negara jiran dengan permit transit yang dibenarkan menghantar barangan seperti Pasar Gadong?

3. KENYATAAN MENTERI

Kenyataan Menteri - Memperkasa Pendidikan Negara: Keutamaan Strategik Generasi Siaga Masa Hadapan akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Menteri Pendidikan.

4. RANG UNDANG-UNDANG

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

“Rang Undang-Undang Perbekalan (2026/2027)”

5. USUL BILANGAN No. 2

USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

“Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggagal 136) bahawa perbelanjaan sejumlah \$480,000,000.00 (Empat Ratus Lapan Puluh Juta Dolar) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2026/2027, dibentangkan sebagai Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan.”

6. PERTANYAAN BAGI JAWAB TULIS

- 1) **[PT004] : Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan langkah kementerian untuk memperluaskan penggunaan panel solar ke rumah-rumah persendirian merangkumi aspek seperti secara mampu milik (*affordability*), penerimaan, keyakinan dan kesediaan pengguna, sokongan dasar pemantauan kualiti, peningkatan pengetahuan awam, dan manfaat kepada ekonomi jangka panjang?
- 2) **[PT009] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan impak Jawatankuasa Kebangsaan Anti-Pemerdagangan Orang (JKAPO) setakat ini dan apakah cabaran utama keberkesannya serta langkah-langkah penambahbaikan yang konkrit dan terukur (*measurable*) yang akan dilaksanakan bagi memperkukuh pencegahan, pendakwaan dan perlindungan mangsa?
- 3) **[PT010] : Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kesiapsiagaan negara untuk memenuhi permintaan tenaga kerja hijau untuk rakyat tempatan dalam negara, peringkat serantau dan antarabangsa termasuk kolaborasi antara Jabatan Tenaga dan Kementerian Pendidikan, serta jenis latihan serta program pembangunan kapasiti yang telah dilaksanakan?
- 4) **[PT016] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kerajaan menilai tahap kefahaman dan keyakinan rakyat terhadap dasar atau inisiatif yang diperkenalkan? Apakah pendekatan yang diambil bagi memastikan komunikasi dasar tidak menyumbang kepada keletihan dasar atau ketidakpedulian awam?
- 5) **[PT030] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kementerian merancang untuk membuat kajian bagi mengenalpasti kesan pelaksanaan gaji minima bagi beberapa sektor perkhidmatan khusus terhadap *cost of doing business* dan kos sara hidup, supaya ianya tidak akan membebankan para pelanggan atau pengguna?

-
- 6) **[PT032] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan pengiktirafan sijil politeknik atau institusi pengajian tempatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) terutamanya berhubung dengan permohonan jawatan di jabatan kerajaan?
- 7) **[PT035] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran jumlah penjawat awam yang dijangka perlu memiliki kemahiran dan kompetensi dalam penggunaan dalam kaedah *Artificial Intelligence (AI)* menjelang tahun 2035? Berapakah anggaran peruntukan kewangan bagi melaksanakan program-program latihan dalam AI tersebut?
- 8) **[PT042] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan kementerian dalam mengkaji semula undang-undang sedia ada bagi menilai keperluan menggubal atau menggabungkan perintah-perintah atau akta-akta, supaya undang-undang akan lebih jelas dan mudah difahami oleh orang ramai?